



NAMA : _____

KELAS : _____

TATABAHASA (AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF)

Latihan : Kenal pasti ayat-ayat berikut dan tuliskan (AA) untuk ayat aktif atau (AP) ayat pasif.

- 1) Beberapa orang murid 3 Charismatic itu ditahan oleh guru disiplin selepas perhimpunan kerana melanggar peraturan sekolah.
- 2) Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai murni kepada anak sejak kecil lagi.
- 3) Guru Bahasa Melayu menghadiahkan pelajar itu sebatang pen setelah berjaya memperoleh A dalam peperiksaan percubaan PT3.
- 4) Penculik kanak-kanak itu telah ditangkap oleh polis pada pagi tadi.
- 5) Undang-undang negara mestilah kamu patuhi agar hidup kita aman.
- 6) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pengusaha industri kecil itu.
- 7) Sikap Fariz dan Afif ditegur oleh ketua kampung yang suka menghabiskan masa di warung.
- 8) Penduduk setempat mempertikaikan keputusan untuk membina tapak pelupusan sampah.
- 9) Bas dinaiki oleh mereka ke sekolah.
- 10) Aktiviti pembalakan haram itu telah berjaya dibanteras oleh pihak berkuasa.
- 11) Tugas yang diberi perlu kamu siapkan pada hari ini juga.
- 12) Panglima Garang perlu tuan hamba temui segera.
- 13) Pihak kerajaan akan memberikan insentif kepada mana-mana ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.
- 14) Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu akan mengadakan mesyuarat tergepar.
- 15) Raket badminton Trinton mahu disimpan oleh Ina sebagai kenang-kenangan.
- 16) Jurusan perubatan akan saya pilih jika saya berjaya dalam peperiksaan dengan cemerlang.
- 17) Kita seharusnya memperkemas diri kita dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat bersaing dengan bangsa lain.

- 18) Segala dokumen yang diperakukan oleh Pesuruhjaya sumpah itu sebelum dihantar ke mahkamah.
- 19) Tempat pertama digondol oleh Angel dalam acara merentas desa.
- 20) Beberapa kilang yang beroperasi di sepanjang sungai itu telah membuang sisa toksik ke dalam sungai untuk menjimatkan kos operasi mereka.